



PERBADANAN ASET KERETAPI  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

TARIKH: 15 OKTOBER 2025

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :

TAJUK PROJEK	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL & MUAT TURUN
<b>NO. SEBUT HARGA:</b> <b>RAC.K-B/08/25</b>  SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN, SEMAK SAMUN, RUMPUT RAMPAI, POKOK SERTA KERJA PENYELENGGARAAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DIATAS TANAH PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) DI <b>NEGERI KELANTAN</b> BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN	Status: <b>Bumiputera</b>  Gred: <b>G2</b>  Pengkhususan: <b>CE21</b> - Pembinaan Kejuruteraan Awam; dan  Lain-lain: MOF: <b>221002</b> – Membersih Kawasan; dan MOF: <b>221003</b> – Mengangkat Sampah  <u>Nota:</u> Kebenaran khas <b>tidak dibenarkan</b> untuk pengkhususan bidang kerja yang telah ditetapkan	<b>Harga Dokumen:</b> <b>RM10.00</b> (Tidak akan dikembalikan)  <b>Perbankan Atas Talian</b> ke atas nama Perbadanan Aset Keretapi	<u>Tarikh Jualan Dokumen:</u> <b>22 Oktober 2025 (Rabu) – 24 Oktober 2025 (Jumaat)</b>  <u>Tarikh Muat Turun Dokumen:</u> <b>27 Oktober 2025 (Isnin) – 31 Oktober 2025 (Jumaat)</b>  <u>Catatan:</u> Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian ( <i>Cloud</i> ). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Petender mengemukakan slip bukti transaksi bayaran.

**SESI TAKLIMAT SEBUT HARGA** adalah **DIWAJIBKAN** sepertimana ketetapan berikut:

Tarikh : **22 Oktober 2025 (Rabu)**

Masa : **10:00 Pagi**

Tempat : **Pejabat Urusan Wilayah Timur (PUWT), RAC**

**Hanya penyebut harga yang telah memenuhi syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai sesi taklimat**

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor **TIDAK BOLEH** mewakili individu selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Sila bawa bersama Sijil **ASAL** Pendaftaran **PPK, SPKK, STB** dan **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** beserta satu **SALINAN** sijil-sijil tersebut dan **cap syarikat**.

**Hanya penyebut harga yang telah menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak Sebut Harga** boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada [perolehan@rac.gov.my](mailto:perolehan@rac.gov.my) dan disalinkan kepada [finance@rac.gov.my](mailto:finance@rac.gov.my) sebagai bukti pembayaran.

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :**  
**3 November 2025 (Isnin)**  
**Jam 12:00 tengah hari**

Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen sebut harga tidak akan diterima. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga di penjuru kiri sebelah atas sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :-

**Ketua Pegawai Eksekutif,  
Perbadanan Aset Keretapi,  
27-1, Sentral RAC,  
No.16 Jalan Tun Sambanthan,  
Brickfields,  
50470 Kuala Lumpur**